

Mesyuarat Liaison Ke 7 Projek Maklumat Buruh Antarabangsa

oleh

Tunku Noraidah Tuanku Abdul Rahman*

Abstract: At the 7th Liaison Meeting for the International Labour Information Project in Tokyo the following topics were discussed: aspects of the project itself; the labour situation and industrial relations of Japan and the participating countries and the impact of microelectronic technology. The project participants also visited three factories and held discussions with the management and workers union.

Pada bulan Oktober tahun lalu, saya telah berlepas ke Tokyo untuk menghadiri Mesyuarat Liaison ke Tujuh bagi Projek Maklumat Buruh Antarabangsa.

Projek ini dianjurkan oleh The Japan Institute of Labour dengan bantuan beberapa organisasi buruh dan pengurusan di negara Jepun. Projek ini bermaksud untuk mengumpul dan menukar maklumat mengenai buruh dengan organisasi-organisasi di negara-negara Asia, dan juga Australia dan Brazil. Maklumat yang dikumpul merangkumi perkara-perkara berhubung dengan kedudukan gunatengah, gaji, elaun, cuti rehat, keadaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, polisi-polisi dan undang-undang buruh, hubungan pekerja dan majikan, kesatuan-kesatuan sekerja dan juga syarikat-syarikat asing. Peserta-peserta projek ini dikehendaki menyediakan dan menghantar laporan bulanan mengenai keadaan buruh di negara masing-masing serta keratan-keratan akhbar dan makalah dari jurnal-jurnal. Buku dan laporan mengenai buruh juga dihantar sebaik sahaja bahan-bahan ini diterbitkan.

Tujuan Mesyuarat Liaison ini adalah untuk menggalakkan hubungan rapat dan pertukaran pendapat di antara wakil dari organisasi-organisasi di negara Jepun dengan peserta-peserta projek dan juga di antara peserta-peserta projek ini sendiri dan memastikan bahawa projek ini diselaraskan dengan sempurna.

Pada hari pertama lawatan tersebut, Presiden institut telah mengalu-alukan kedatangan kami. Ini diikuti oleh perbincangan secara "informal".

Penolong Pengarah institut telah memulakan sesi pertama Mesyuarat Liaison itu dengan penerangan mengenai berbagai aspek projek tersebut. Sesi kedua ditumpukan kepada penerangan mengenai keadaan buruh masakini di negara Jepun. Penerangan telah diberi oleh wakil-wakil dari Kementerian Buruh, Trade Union Council for Multinational Companies (TCM), Confederation of Japan Automobile Workers' Union, The Japanese Federation of Textile, Garment, Chemical, Distribute and Allied Industry Workers' Unions, Japan Overseas Enterprises Association (JOEA), Japan Federation of Employer's Association, Mutsushita Electric Industrial Company, Furukawa Electric Company, dan pensyarah-pensyarah dari universiti-universiti di Tokyo. Pada malamnya, kami telah di-
raikan dengan satu jamuan makan. Saya telah berpeluang bertemu dan berkenalan dengan wakil-wakil itu dengan lebih dekat lagi.

Selepas itu, selama tiga hari berturut-turut, kami dibawa melawat beberapa syarikat iaitu Iwatsu Electric Company, Canon Incorporated dan Sharp Corporation. Rancangan lawatan kami ke syarikat-syarikat tersebut di bahagikan kepada dua. Pertama, kami dibawa melihat proses-proses pengeluaran bahan-bahan di kilang syarikat-syarikat ini. Sharp Corporation menggunakan teknologi mikroelektronik sepenuhnya manakala Iwatsu Electric Company dan Canon Incorporated masih mengguna-

*Pustakawan Perkhidmatan Pembaca, Perpustakaan Universiti Malaya.

kan tenaga manusia di samping mesin-mesin otomatis dalam proses-proses pengeluarannya.

Selepas melihat proses-proses pengeluaran, kami mengadakan perbincangan dengan pihak majikan dan kesatuan sekerja syarikat-syarikat tersebut. Kami dapati kesemua syarikat ini mempraktikkan "Lifetime Employment System" dan "Seniority System" yang memastikan kenaikan gaji dan pangkat secara automatik. Cara-cara ini mendorong seseorang untuk terus bekerja dengan syarikat itu semumur hidupnya. 'QC Circles' juga digalakkan oleh pihak majikan. Dengan ujudnya kesatuan sekerja secara "in-house", hubungan rapat dan harmoni didapati di antara pihak majikan dan kesatuan sekerja.

Peserta-peserta projek ini telah mengambil bahagian dalam suatu permainan "Hubungan Industri Cara Jepun". Tujuan permainan ini ialah untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai proses

perundingan gaji yang diamalkan di negara tersebut. Kami diberi panduan mengenai permainan ini dan setiap peserta dikehendaki mengambil peranan majikan atau wakil kesatuan sekerja.

Sebahagian dari program yang diaturkan termasuk lawatan ke beberapa tempat bersejarah di Kyoto seperti Phoenix Temple, Nijo Castle dan Golden Pavilion Temple.

Pada hari terakhir mesyuarat tersebut, kami telah membincangkan kesan-kesan teknologi mikroelektronik ke atas negara Jepun dan negara-negara yang diwakili dan hubungan industri di negara-negara tersebut secara am.

Sebagai kesimpulan, lawatan tersebut tidak sahaja menambahkan pengetahuan saya mengenai pekerja-pekerja Jepun dan hubungan industri di negara itu tetapi juga telah memberi saya gambaran yang lebih jelas mengenai sejarah kebudayaan rakyat Jepun.